

**PROMOSI HLB CONNECT OVERSEAS TRANSFER 2023 [\(English Version\)](#)**

Kemas Kini Terakhir 22 Ogos 2023

**TEMPOH PROMOSI**

“Promosi HLB Connect Overseas Transfer 2023” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 28 Ogos 2023 dan berakhir pada 13 Oktober 2023 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“T&S”):

**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan Bank (“Pelanggan”) yang baharu dan pengguna sedia ada HLB Connect Online (“HLB Connect”) dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/HLISB Akaun Semasa atau Simpanan-i (“CASA/CASA -i”) semasa Tempoh Promosi (“Tempoh Promosi”).
2. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
  - (i) pada masa lalu atau kini disyaki melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) sedang menghadapi prosiding kebangkrapan, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.
3. Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan di Klausula 1 di atas boleh mengambil bahagian dalam Promosi ini dan akan berpeluang memenangi pulangan tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus (RM2,500) (“Hadiah Pulangan Tunai”) semasa Tempoh Promosi.

**TATACARA PROMOSI**

4. Untuk menyertai Promosi ini dan untuk melayakkan diri untuk Hadiah Pulangan Tunai, Pelanggan mesti memenuhi pra-syarat berikut:
  - (i) **log masuk ke HLB Connect Online**; dan
  - (ii) **berjaya melakukan Pemindahan Luar Negara dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap transaksi** melalui HLB Connect Online semasa Tempoh Promosi.

(selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”)
5. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang dinyatakan di Klausula 4 di atas akan bertanding untuk memenangi Hadiah Pulangan Tunai, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Pelanggan yang Layak	Hadiah Pulangan Tunai	Kaedah Pemilihan Pemenang
<p><b><u>Kategori 1</u></b> Pegguna Pemindahan Luar Negara Sedia Ada</p>	<p><b>RM2,500 setiap seorang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lima (5) Pelanggan yang Layak yang telah berjaya melakukan <b>transaksi Pemindahan Luar Negara yang tertinggi</b> (dengan minimum RM5,000 untuk setiap transaksi) melalui HLB Connect Online menjelang akhir Tempoh Promosi.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh <b>memenangi satu (1) Hadiah Pulangan Tunai</b> sepanjang Tempoh Promosi.</li> </ul>
<p><b><u>Kategori 2</u></b> Pegguna Pemindahan Luar Negara Baru</p> <p>(Hanya terpakai kepada pengguna yang tidak melakukan sebarang transaksi pemindahan ke luar negara melalui HLB Connect Online antara 28 Ogos 2022 hingga 27 Ogos 2023)</p>	<p><b>RM2,500 setiap seorang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lima (5) Pelanggan yang Layak yang telah berjaya melakukan <b>transaksi Pemindahan Luar Negara yang tertinggi</b> (dengan minimum RM5,000 untuk setiap transaksi) melalui HLB Connect Online menjelang akhir Tempoh Promosi.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) <b>Hadiah Pulangan Tunai</b> sepanjang Tempoh Promosi.</li> </ul>

- Hadiah Pulangan Tunai untuk Promosi ini ialah Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus (RM2,500). Jumlah peruntukan Hadiah Pulangan Tunai untuk Promosi ini ialah Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000) dan akan diberikan kepada seramai lima (5) Pelanggan yang Layak ("**Pemenang Pulangan Tunai**") bagi setiap kategori seperti dalam Jadual 1 di atas.
- Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pemenang Pulangan Tunai layak menerima hanya satu (1) Hadiah Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi. Bilangan tertinggi transaksi Pemindahan Luar Negara akan dikira dengan mengumpul jumlah bilangan transaksi Pemindahan Luar Negara Pelanggan yang Layak daripada kedua-dua akaun CASA & CASA-i sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya terdapat lebih daripada lima (5) Pelanggan yang Layak bagi setiap kategori dalam Jadual 1 di atas yang telah mengumpul bilangan transaksi tertinggi yang sama untuk Pemindahan Luar Negara, Pelanggan yang Layak yang terawal mengumpul bilangan transaksi tertinggi akan dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai sehingga jumlah Pemenang Pulangan Tunai telah diperuntukkan sepenuhnya.

**PEMENUHAN PULANGAN TUNAI**

- Senarai Pemenang Pulangan Tunai akan diterbitkan di [www.hlb.com.my/OT](http://www.hlb.com.my/OT) ("**Laman Web Promosi**") selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2023. Menjadi tanggungjawab Pemenang Pulangan Tunai untuk mengakses Laman Web Promosi secara berkala untuk menyemak sama ada mereka telah memenangi Promosi.
- Hadiah Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank sebelum 15 November 2023. Oleh itu, Pemenang Pulangan Tunai mesti mengekalkan CASA/CASA-i yang aktif dan sah sehingga 15 November 2023 untuk membolehkan Pemenuhan Hadiah Pulangan Tunai, jika gagal, Hadiah Pulangan Tunai akan dilucuthakkan.

10. Menjadi kewajiban Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank mengenai ketidakterimaan Hadiah Pulangan Tunai sebelum 30 November 2023, jika gagal Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Hadiah Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik tidak akan diproses.
11. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah Pulangan Tunai disebabkan sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Bank. Hadiah Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit pendahuluan, tunai, cek atau manfaat barangan.

### **AM**

12. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
  - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, dan memahami T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung di sini;
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pemenuhan syarat yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan untuk Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan konklusif;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan yang Layak;
  - (iv) memberi kebenaran dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel untuk tujuan Promosi ini;
  - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberikan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, jika berkenaan, disebabkan nombor mudah alih yang tidak tepat/tidak sah dan/atau alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak atau SMS dan/atau e-mel tidak dapat dihantar atas sebarang sebab sekalipun;
  - (vi) membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi mereka (iaitu, nama dan ID bertopeng dan/atau nombor akaun yang disembunyikan), gambar dan video Pemenang untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media tanpa bayaran;
  - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi dan memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
  - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan/penyedia rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan dalam keadaan sedemikian:
    - (a) SMS tertangguh, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
    - (b) e-mel tertangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia perkhidmatan e-mel yang berkaitan, yang berkenaan tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai junk atau spam e-mel oleh penyedia perkhidmatan e-mel Pelanggan yang Layak  
(selepas ini dirujuk kepada sebagai "**Kegagalan Rangkaian**")Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat daripada sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan dilayan;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau wifi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
  - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
13. Bank berhak:
- (i) untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di sini dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S yang disenaraikan di sini atau penamatan Promosi ini di Laman Web Promosi dengan notis awal kepada Pelanggan yang Layak; dan
  - (ii) untuk menarik balik Hadiah Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi sebarang T&S di sini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect dan semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
14. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
15. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S terakhir pada Laman Web Promosi akan diguna pakai.
16. T&S ini akan ditadbir dan dianggap mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
17. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.